

BERITA MARGIN (M/S) 38
 Oleh Azidan Nahar
 azidan@bh.com.my

22/02/2015

► Kuala Lumpur

Azizul kekal di bawah program Road To Rio

» Namanya memang sudah ada dalam senarai perancangan itu sejak Olimpik 2012: Shapawi

Jaguh trek negara, Mohd Azizulhasni Awang akan terus kekal di bawah program Road To Rio dengan fokus untuk mendapatkan kelayakan secepat mungkin ke temasya sukan terbesar di dunia itu.

Mohd Azizulhasni yang meraih gangsa acara keirin pada Kejohanan Berbasikal Trek Dunia UCI 2015 di Velodrom Saint-Quentin-en-Yvelines, Perancis Khamis lalu diharap segera layak supaya pelbagai program dapat diatur bagi membolehkannya mencapai kemuncak pada temasya itu nanti.

Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, Datuk Ahmad Shapawi Ismail (**gambar**) berkata, sememangnya nama Mohd Azizulhasni sudah ada dalam senarai program Road To Rio yang dirangka selepas selesai Sukan Olimpik London 2012.

"Perancangan kita tahun ini memang mahu semua atlet program terbabit dapat



layak secepat mungkin sebelum perancangan seterusnya dapat dilakukan dengan lebih terperinci.

"Lagi cepat layak lagi bagus supaya kita dapat bersedia lebih awal untuk 2016," katanya ketika dihubungi Bh Sukan, semalam.

Buat apa tukar

Katanya, ketua jurulatih John Beasley akan kekal membimbing Mohd Azizulhasni sehingga layak ke Olimpik Rio di Brazil tahun depan walaupun pelbagai kemelut melanda jurulatih itu bersama Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (MNCF).

Beasley sebelum ini berang dengan MNCF sambil mendakwa badan induk itu berhutang sebanyak RM21,000 dengannya.

Selain itu wujud juga pertelingkahan mengenai insiden penerbangan dan tempat penginapan pada Kejohanan Lumba Basikal Asia (ACC) Korat sehingga Beasley sanggup bersemuka dengan kepimpinan tertinggi badan induk itu dalam forum yang mahu diadakan selepas Kejohanan Berbasikal Trek Dunia UCI 2015.

"Buat apa nak tukar jika sudah ada jurulatih yang baik," kata Ahmad Shapawi.

"Alhamdulillah sukan berbasikal trek ada kesinambungan walaupun ada yang sudah bersara seperti Josiah Ng, namun kita masih ada pelatih baharu walaupun tidak ramai."

Oleh Ferzalif Fauzi 22 FEB 2015
ferzalif@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

METRO AHAD (M/S) 62..

Jangan mengharapkan kejayaan dari gandingan beregu lelaki negara, Goh V Shem-Tan Wee Kiong jika Malaysia tidak mempunyai wakil dalam acara perseorangan lelaki Seluruh England 2015 bulan depan.

Itulah rayuan Wee Kiong yang menganggap sebarang harapan sebegitu akan hanya menghadirkan tekanan tatkala V Shem baru saja pulih dari kecederaan lutut kiri.

"V Shem baru saja pulih dari kecederaan dan kami kurang latihan bersama. Jadi saya harap peminat jangan letak harapan terlalu tinggi kepada kami di Seluruh England nanti," katanya ketika dihubungi semalam.

Berdasarkan undian, pasangan utama negara itu akan berdepan pemain dari peringkat kelayakan di pusingan pertama dan jika menang, gandingan yang menanti mereka selepas itu ialah Lee Yong Dae-Yoo Yeon Seong yang juga pilihan utama kejohanan.

Kata Wee Kiong, persiapan mereka berjalan lancar walaupun sebelum ini bimbang mengenai tahap pemulihan V Shem yang mengalami kecederaan bulan lalu.

"Apa yang boleh kami buat sekarang ini ialah cuba mengekalkan prestasi. Kami akan melakukan yang terbaik di kejohanan itu nanti dan cuba untuk tidak terlalu memikirkan soal kekuatan lawan."

"Jika asyik fikir mengenai mereka, ia akan memberi susah ke-

GANDANGAN V Shem (kanan) dan Wee Kiong kurang latihan bersama.

의 숨결, 아시아의 미래



Jangan harap lebih...

■ Wee Kiong tak mahu tekanan jadi beban di Seluruh England

pada diri sendiri. Kami mahu mencapai sesuatu yang istimewa di sana," katanya yang mula turun berlatih kelmarin.

Kedua-dua pemain itu hanya diberikan cuti sehari sempena Tahun Baru Cina sebelum kembali ke ge-

langgang memulakan latihan seperti biasa malah Wee Kiong mengambil keputusan untuk tidak pulang ke kampung (Johor).

Ini adalah aksi kedua Wee Kiong di Seluruh England selepas bergandingan dengan Hoon Thien How

pada kejohanan sama tahun lalu dan mereka mara hingga ke peringkat suku akhir.

Tumpuan pasti terarah kepada acara beregu lelaki di kejohanan bertaraf Siri Super Premier itu seandainya Mohd Arif Latif dan Zul-

fadli Zulkifli gagal mara ke undian utama.

Kedua-duanya memulakan aksi di peringkat kelayakan dan lebih malang lagi apabila tidak ada wakil dari Persatuan Badminton Malaysia (BAM) untuk perseorangan lelaki.

Afandi pertahan keputusan tangguh perlawanan Pahang, Johor DT

Oleh Aziman Rosdi
aziman@metro.com.my
Kuala Lumpur

METRO AHAD (M/S) 63
22 Feb 2015

'BUKAN KERANA TAKUT'

Langgani Pelan Yes Super Postpaid dan dapatkan sebuah Acer Iconia One 7 + Yes Huddle XS secara PERCUMA

"Ini bukan soal takut. Mana-mana pasukan yang berdepan situasi sama pasti akan membuat permohonan dan kami di FAM akan mengaji permohonan itu. Tidak timbul soal kami mengutamakan pasukan tertentu," tegas Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan Tempatan (JKPT) Persatuan BolaSepak Malaysia (FAM) Datuk Seri Afandi Hamzah yang mempertahankan keputusan kontroversi badan induk kebangsaan itu memunda perlawanan Piala FA antara Pahang dengan Johor Darul Ta'zim (Johor DT).

Mengikut jadual asal perlawanan Piala FA, Pahang sepatutnya bertemu Johor DT pada 1 Mac namun disebabkan masalah tiket penerbangan, mereka yang sebelum itu terpalasa beraksi di Piala AFC di Myanmar hanya akan tiba ke tanah air pada 27 Februari sekali gus memaksa penturusan Persatuan BolaSepak Negeri Pahang (PBNT) membuat permohonan untuk memunda perlawanan ke 2 Mac.

Selepas permohonan itu gagal mencapai persetujuan bersama Johor DT, FAM yang mengambil kira tempoh kurang 48 jam sebelum pertemuan itu membuat keputusan untuk membenarkan rayuan PBNT dan menikar tarikh kepada 2 Mac.

Afandi yang juga Timbalan Presiden FAM berkata, jika pihaknya mahu berlaku tidak adil, mereka



boleh menerima permohonan asal skuad Tok Gajah yang mahu menangguhkan perlawanan dua hari lewat dari jadual asal.

"Pahang membuat permohonan untuk beraksi pada 3 Mac tapi berdasarkan buktii tiket penerbangan

mereka yang kembali ke tanah air pada 27 Februari dari Myanmar, kami hanya bersetuju memunda kepada 2 Mac saja dengan mengambil kira tempoh rehat tiga hari.

"Kami tidak boleh memunda kepada 3 Mac kerana perlu mengim-

bang pindaan perlu mendapat persetujuan kedua-dua pasukan namun jika ia gagal mencapai kata putus, kami akan meneliti perkara itu sama ada perlu kekal ataupun tidak," katanya kepada Arena Metro semalam.

Keputusan FAM itu mengundang rasa tidak puas hati Johor DT yang sebelum ini menyaksikan permohonan mereka untuk mempercepatkan aksi Liga Super semalam kepada jumaat ditolak oleh Selangor.

Walaupun permohonan itu tidak diterima, skuad Harimau Selatan masih mempunyai jarak tiga hari sebelum bertemu East Bengal pada Selasa ini bagi perlawanan Piala AFC.

Menurut Afandi tidak timbul soal JKPT tidak sensitif dengan pembabitian pasukan tempatan di kejohanan Piala AFC memandangkan kes penundaan tarikh perlawanan dengan Pahang ini berlaku di luar jangkaan.

"Jika kami tidak peka, kami sudah meletakkan perlawanan Piala FA antara Pahang dengan Johor DT pada 27 atau 28 Februari, sama dengan pasukan lain. Kalau melihat jadual asal perlawanan Piala AFC membabitkan Pahang pada 25 Februari dan mereka dijangka pulang dari Myanmar pada 26 Februari tapi disebabkan masalah penerbangan pindaan terpaksa dilakukan," katanya.

bil kira kepentingan Johor DT yang turut memerlukan rehat bagi perlawanan seterusnya. Jadi kita tidaklah melayan semua kehendak pasukan melainkan jika ada asas kukuh untuk berbuat demikian.

"Memang mengikut SOP seba-

Bersaing sesama sendiri untuk disenaraikan dalam skuad utama sepak takraw

Pemain berebut posisi regu emas

Oleh MOHD. IKHSAN FIRDAUS AZMI

ikhsan.azmi@kosmo.com.my
KOSMO (M/S.....)

KEJAYAAN regu negara yang menamatkan badi Thailand ketika muncul juara Kejuaraan Siri Super Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf) 2 2014/2015 di Melaka 8 Februari lalu menjadikan persaingan dalam kem kebangsaan semakin hangat.

Ketua jurulatih negara, Abd. Talib Ahmad berkata, para pemain kini bekerja keras untuk meningkatkan kualiti permainan masing-masing sebagaimana hasrat mereka untuk berebut tempat dalam regu utama.

Menurutnya, barisan jurulatih akan membuat penilaian berdasarkan prestasi semasa para pemain sebelum memutuskan siapa yang lebih berhak untuk membawa cabaran negara pada kejuaraan-kejuaraan Siri Super Istaf dan Sukan SEA di Singapura Jun depan.

"Perancangan asal kami memang mahu membentuk dua lagi regu setanding dengan regu yang menewaskan Thailand tempoh hari, walaupun latihan kami sekarang memumpunkan kekuatan fizikal tetapi kami juga mula menguji kombinasi pemain-pemain.

"Saya bersyukur kerana selepas kejayaan di Melaka, para pemain nampak lebih bersemangat dan saya lihat sudah ada persaingan untuk merebut tempat dalam regu utama.

"Jadi saya tidak janji pemain-pemain yang menang dengan Thailand akan kekal kerana kami perlu menilai prestasi sama-



IMBAS. Para pemain Malaysia meraikan kejayaan bersama para penyokong selepas menewaskan Thailand pada perlawanan akhir Kejuaraan Sepak Takraw Siri Super Istaf 2 di Melaka baru-baru ini.

sa mereka sebelum membuat keputusan barisan pemain ke Siri Super Istaf yang seterusnya di Indonesia nanti," katanya ketika dihubungi *Kosmo! Ahad* semalam.

Bagaimanapun, Abd. Talib berharap, kualiti yang dipamerkan oleh barisan pemain negara akan terus meningkat sehingga aksi kemuncak pada temasya Sukan SEA di Singapura Jun depan.

"Apa yang penting sekarang semua berlatih untuk Sukan SEA kerana kami memerlukan tiga regu yang baik untuk menghadapi temasya itu. Begitupun, pe-

rubahan regu pada Siri Super Istaf akan datang lebih kepada pendedahan.

"Setiap pemain memerlukan pendedahan pada kejuaraan yang kompetitif dan mereka juga perlu diberikan peluang, boleh jadi rombakan bakal berlaku kerana semua pemain sedang berlumba-lumba untuk mendapatkan tempat," ujarnya.

Skuad negara yang meraih kemenangan pertama Siri Super Istaf di Melaka akan meneruskan cabaran antarabangsa pada Siri Super Istaf 3 di Pekanbaru, Riau, Indonesia bermula 19 hingga 22 Mac depan.



KERATAN Kosmo! 9 Februari 2015.

Ditanya mengenai ramalan beliau pada siri ketiga kejuaraan antarabangsa itu, Abd. Talib berkata, skuad negara bakal berdepan cabaran yang lebih sukar terutama daripada Thailand dan tuan rumah, Indonesia.

"Dalam jangkaan saya, Thailand akan tampil lebih baik dan mereka mungkin akan menghantar kombinasi lain pada kejuaraan itu kerana mereka mahu kembali merampas kejuaraan. Indonesia juga bakal mempamerkan kebangkitan kerana mereka akan beraksi di laman sendiri," tambah Abd. Talib.

Kejayaan yang dicatatkan Muhammad Syahir Mohd. Rosdi, Farhan Adam, Mohd. Khairul Zaman Hamir Alhbar, Ahmad Aizat Mohd. Nor Azmi dan Mohd. Hanafiah Dolah meletakkan Malaysia sebaris dengan Thailand untuk mendahului ranking Siri Super Istaf.

Regu negara yang sebelum ini tewas kepada Thailand pada final Siri Super Istaf 1 di Myanmar November lalu kini berkongsi 480 mata selepas masing-masing mencatatkan satu gelaran juara dan naib juara untuk kempen musim 2014/2015.

Senam seni untuk semua

» Gabungan gerak tari tradisional, moden secara santai guna konsep senamrobik



Sebahagian peserta yang hadir menyertai sesi senam seni 1 Malaysia Mega anjuran JKKN Pulau Pinang.

Oleh Kalsom Rahmathullah
 kalsom@penerbit.com.my

22/2/2015
 BERITA PULAU PINANG

Rentak tarian yang digabungkan dalam bentuk senaman sememangnya bukan suatu perkara asing dalam kehidupan masyarakat.

Malah, pengenalan tarian dengan gerakan tangkas seperti tarian zumba atau gerakan santai seperti pocopoco antara tarian yang diterapkan dalam budaya luar serta menarik minat orang ramai.

Bagaimanapun, Malaysia adalah negara yang sedia dikenali dengan kepelbagaian tarian kebudayaan daripada masyarakat majmuk di negara ini.

Elemen tarian

Dalam usaha memartabatkan tarian kebudayaan negara ini serta dimanfaatkan dalam satu produk senaman berirama (senamrobik), Senam Seni 1Malaysia diusahakan oleh Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) dengan kerjasama Istana Budaya dan Majlis Kecergasan Malaysia (MKK) serta Kementerian

Belia dan Sukan Malaysia.

Ia adalah senaman yang memuatkan gerakan daripada elemen tarian seperti Joget, inang, zapin serta tarian masyarakat Cina, India, Orang Asli, Sabah dan Sarawak.

Pengarah JKKN Pulau Pinang, Mohd Rizal Ismail, berkata Senam Seni 1Malaysia itu turut diterapkan gerakan seni mempertahankan diri masyarakat Malaysia sebagai gerakan senaman.

Piawai antarabangsa

Dengan berlatarkan muzik kebudayaan masyarakat di Malaysia, senam seni itu dijalankan selama 27 minit menggunakan konsep senamrobik mengikut piawai antarabangsa iaitu memanaskan badan, regangan, aerobik dan menyejukkan badan.

"Tujuan senam seni ini sebagai aktiviti memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat di samping memperkenalkan gerak tarian tradisional dalam bentuk yang lebih santai serta diikuti oleh orang ramai," katanya.

Kira-kira 120 peserta hadir menyertai Senam Seni 1Malaysia yang diadakan di pekarangan JKKN Pulau Pinang sebagai acara bulanan.

Ia adalah tahun kedua acara itu dianjurkan bagi setiap bulan dengan pembabitkan daripada seluruh warga kerja JKKN negeri dan 19 jabatan kerajaan di negeri ini.

Merisat gerak tari

Mohd Rizal berkata, senaman itu secara tidak langsung dapat membantu masyarakat mengenali serta memartabatkan gerak tari kebudayaan negara ini dengan lebih meluas.

Fazida Mohd Farzi, 29, berkata dia tidak pernah melepaskan peluang untuk mengikuti Senam Seni 1Malaysia yang diadakan di situ.

Katanya, rentak tarian yang digunakan pada setiap sesi senaman itu sangat mudah diikuti walaupun peserta tidak mempunyai pengetahuan asas dalam gerakan seni tari.

Katanya, gabungan tarian dari 14 negeri di Malaysia itu juga menghiburkan peserta serta memberikan pengetahuan asas mengenai tarian kebudayaan kepada masyarakat.

Senam Seni 1Malaysia itu dilaksanakan pada minggu terakhir tiap-tiap bulan mengikut masa yang ditetapkan serta ia terbuka penyertaan kepada orang ramai.